

18 JAN 2001

Rafidah-Wanita

KEMENTERIAN WANITA TURUT BANGUN MASYARAKAT DAN NEGARA, KATA RAFIDAH

KUALA KANGSAR, 18 Jan (Bernama) -- Kementerian Hal Ehwal Wanita yang baru diwujudkan tidak sepatutnya dilihat secara terasing atau sebagai satu Kementerian yang eksklusif untuk wanita sahaja, kata Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

Ia sebenarnya sebuah Kementerian yang turut membantu membangunkan masyarakat dan negara kerana isu wanita tidak boleh diasingkan dengan masyarakat umum dan negara, katanya.

"Jangan ada yang salah faham kenapa perlu Kementerian yang hanya menjaga hal ehwal wanita," katanya kepada pemberita pada majlis penyampaian bantuan persekolahan dan komputer kepada pelajar dan sekolah di kawasan Parlimen Kuala Kangsar di sini, hari ini.

Sebanyak 25 pelajar sekolah rendah dan menengah menerima bantuan persekolahan sebanyak RM300 seorang daripada Rafidah yang merupakan anggota Parlimen kawasan itu.

Sementara 22 sekolah dan sebuah pusat kecemerlangan pelajar pejabat daerah pendidikan daerah Kuala Kangsar masing-masing menerima sebuah komputer sumbangan syarikat Western Digital dan Tan Chong Motor.

Dalam rombakan kecil Kabinet yang diumumkan semalam, Naib Ketua Wanita Umno Datuk Sharizat Abdul Jalil dipilih sebagai Menteri di Kementerian yang diwujudkan dalam rombakan itu.

Rafidah berkata masyarakat umum perlu sedar bahawa wanita merupakan teras dalam pembangunan keluarga, masyarakat dan negara yang secara langsung atau tidak langsung turut membantu membangunkan negara dan masyarakat.

"Iaitu wanita sebagai ibu yang bertanggungjawab membangunkan masyarakat dan sebagai tenaga pekerja yang turut membangunkan industri dan ekonomi negara. Untuk melatih wanita yang menyara keluarga, untuk mendidik wanita untuk membentuk keluarga yang baik," katanya.

Dalam hal berkenaan Kementerian itu mempunyai dua tanggungjawab utama iaitu mengadakan rancangan dan strategi membangunkan wanita secara berterusan dan kedua mengatasi masalah sosial yang sedia ada.

Ini termasuk mengkaji keperluan perundangan dan peraturan negara melibatkan wanita sama ada wujudnya peraturan yang menjadi sekatan kepada kemajuan wanita dalam pelbagai bidang, katanya.

Rafidah berkata, Kementerian itu bertanggungjawab membuat rumusan dan hala cara serta strategi masa depan wanita, manakala untuk melaksanakan strategi itu Kementerian-kementerian lain boleh membantu.

Beliau yakin Sharizat yang berpengalaman dalam menguruskan hal ehwal wanita dan belia berwibawa mengendalikan Kementerian itu.

Beliau berkata Wanita Umno sejak zaman Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri telah berjuang meminta kerajaan menubuhkan Kementerian itu dan hanya berjaya mendapat sebuah majlis perundingan wanita pada zaman Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri.

Kemudian Unit Hal Ehwal Wanita (Hawa) di bawah Jabatan Perdana Menteri semasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kemudian mempertingkatkan statusnya kepada kedudukan jabatan beberapa tahun lepas dan kini sebuah Kementerian, katanya.

-- BERNAMA.

HK PR